

# Model Pengesan Kesilapan Bahasa SHEPPADKLAS

Faridah Nazir, Norazian Jaafar, Manoriza Abd Malek, Nur 'Alyaa Zulkifli, Nur Farhana Yasmin Abd Halim, Nur Aina Farhana Abd Halim

**Abstrak** – Penggunaan laman sembang internet (LSI) khususnya, Facebook telah menjadi budaya dalam kalangan pelajar khususnya di IPG Kampus Raja Melewar. LSI secara tidak langsung telah menyebabkan para pelajar menggunakan suatu ragam bahasa yang mempunyai 12 ciri seperti yang dikemukakan dalam Model SHEPPADKLAS, iaitu sebuah manual berdasarkan kajian tentang ciri bahasa LSI (Faridah Nazir, 2010). SHEPPADKLAS merujuk kepada penyingkatan huruf pertama kesemua 12 ciri bahasa yang terdapat dalam LSI, iaitu S- singkatan, H-homofon huruf, E-ejaan yang dicipta khusus untuk LSI, P-perkataan yang menyerupai sebutan lisan, P-penukaran kod, P-paralinguistik, A-arahan atau peringatan dalam bahasa komputer, D-dialek, K-kesilapan ejaan, L-laras bahasa, A-ayat yang tidak lengkap dan tidak gramatis dan S-slanga. Ciri bahasa berdasarkan Model SHEPPADKLAS ini walaupun menunjukkan kekreatifan pelajar namun ia merupakan ancaman dalam penulisan pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan ciri bahasa ini secara sewenang-wenangnya dalam penulisan ketika pengajaran dan pembelajaran menyebabkan para pelajar melakukan kesilapan bahasa (bahasa Melayu dan bahasa Inggeris). Kajian yang dijalankan terhadap penulisan nota 20 orang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) mendapati bahawa kesemua ciri bahasa SHEPPADKLAS telah digunakan oleh mereka. Sehubungan dengan itu, memandangkan para pensyarah tidak mempunyai panduan untuk mengesan kesilapan bahasa khususnya tentang ciri-ciri bahasa LSI dalam penulisan pelajar, maka Model SHEPPADKLAS berupaya menjadi rujukan mereka. Model SHEPPADKLAS ini juga, turut berperanan membantu guru-guru dan bakal guru untuk mengesan kesilapan bahasa di samping menggalakkan penggunaan bahasa Melayu standard secara optimum dalam penulisan murid-murid ketika pengajaran dan pembelajaran dijalankan.


**Kata Kunci** – laman sembang internet; ragam bahasa; model; SHEPPADKLAS; penulisan

## I. PENDAHULUAN

Model SHEPPADKLAS diperkenalkan oleh Faridah Nazir (2010) berdasarkan kajian tentang ciri bahasa LSI. Sehubungan dengan itu, SHEPPADKLAS merujuk penyingkatan huruf pertama kesemua 12 ciri bahasa yang terdapat dalam LSI. Secara tuntasnya, S ialah singkatan, H ialah homofon huruf, E ialah ejaan yang dicipta khusus untuk LSI, P ialah perkataan yang menyerupai sebutan lisan, P ialah penukaran kod, P ialah paralinguistik, A ialah arahan atau peringatan dalam bahasa komputer, D ialah dialek, K ialah kesilapan ejaan, L ialah laras bahasa, A ialah ayat yang tidak lengkap dan tidak gramatis dan S ialah slang. Penggunaan ciri bahasa dalam model ini secara sewenang-wenangnya dalam penulisan boleh menyebabkan berlakunya kesilapan bahasa. Model SHEPPADKLAS

telah disusun dalam bentuk manual oleh pengkaji seperti dalam Gambar 1 di bawah.

Gambar 1: Model SHEPPADKLAS Dalam Bentuk Manual



## SINGKATAN

Singkatan atau pemendekan kata merujuk pemenggalan sebahagian kata. (Harimurthi Kridalaksana 1982). Marzukhi Nyak Abdullah (1997) pula mengistilahkan singkatan sebagai kependekan yang dinyatakan sebagai salah satu cara pembentukan kata dalam bahasa Melayu. Singkatan yang terdapat di LSI dikenal pasti melibatkan 24 jenis, iaitu (i) singkatan melibatkan satu huruf contohnya, k (okay), (ii) gabungan dua huruf daripada satu perkataan contohnya, yg (yang), (iii) gabungan tiga huruf daripada satu perkataan contohnya, tgh (tengah), (iv) singkatan suku kata pertama daripada satu perkataan contohnya, geog (geography), (v) singkatan suku kata akhir daripada satu perkataan contohnya, kat (dekat), (vi) pengguguran huruf vokal pertama daripada satu perkataan contohnya, kluar (keluar), (vii) penggunaan angka 2 untuk kata ganda contohnya, tambah2 (tambah-tambah) dan (viii) pengguguran satu huruf konsonan daripada satu perkataan contohnya, wasalam (walaikumussalam), (ix) gabungan suku kata pertama dengan perkataan kedua kata majmuk contohnya, cowrite (copy write), (x) gabungan dua suku kata awal daripada satu perkataan contohnya, info (information), (xi) gabungan suku kata akhir dan penggunaan angka 2 untuk kata ganda contohnya, nyamar2 (menyamar-nyamar).

Terdapat juga singkatan (xii) gabungan pengguguran huruf vokal kedua dan gabungan huruf vokal dan huruf konsonan akhir dalam satu perkataan contohnya, regst (register), (xiii) gabungan huruf pertama satu perkataan, simbol & dan huruf pertama perkataan lain contohnya, P&C (private and confidential), (xiv) gabungan huruf pertama dengan dua suku kata akhir daripada satu perkataan contohnya, w'salam (walaikumussalam), (xv) gabungan perkataan pertama dengan suku kata kedua daripada perkataan lain contohnya, takde (tidak ada), (xvi) huruf x untuk tidak, (xvii) gabungan dua suku kata, iaitu awal dengan akhir dan pengguguran suku kata lain daripada satu perkataan

contohnya, contohnya, askum (assalamualaikum), (xviii) singkatan yang digunakan dalam penulisan biasa contohnya, RM30 (Tiga puluh Ringgit Malaysia), 1st (first) dan (xix) singkatan untuk dialek contohnya, p (pergi-dialek Pulau Pinang) dan g (pergi atau lagi-dialek Pulau Pinang), (xx) singkatan yang dilakukan mengikut sebutan lisan, iaitu tb yang sepatutnya tv untuk televisyen, (xxi) singkatan yang diubah suai maksudnya daripada singkatan asal contohnya, MBA (Married But Available) yang sepatutnya bermaksud Masters of Business Administration, (xxii) singkatan untuk ketawa kecil, iaitu he5, yang mana angka 5 bermaksud ketawa kecil itu diulang sebanyak lima kali, iaitu hehehehehe, (xxiii) singkatan yang dicipta khusus untuk LSI contohnya, YM (Yahoo Mesenger), L (lelaki), f (female), dc(disconnected) dan (xxiv) singkatan yang dilakukan tanpa disengajakan kerana kesilapan menaip contohnya, keuar (keluar), kesudaannya.

### **HOMOFON HURUF**

Homofon huruf merujuk huruf atau gabungan huruf yang sama bunyi sebutannya dengan perkataan asal misalnya, ct untuk Siti dan u untuk you (Pedoman Umum Pembentukan Istilah bahasa Melayu 1992). Penggunaan homofon huruf di LSI dikenal pasti melibatkan bahasa Melayu contohnya, pk (fikir) bahasa Inggeris contohnya, ok (okay), dialek Pulau Pinang contohnya, p (pi atau pergi) dan slanga, iaitu xc, iaitu eksee yang bermaksud sombong.

### **EJAN YANG DICIPTA KHUSUS UNTUK LSI**

Ciri bahasa ejaan yang dicipta khusus untuk LSI merujuk penggunaan ejaan perkataan tertentu yang dicipta khusus dan hanya digunakan di LSI (Faridah Nazir, 2010). Ciri ejaan yang dicipta khusus untuk LSI dikenal pasti turut menunjukkan pengaruh bahasa Inggeris dan dialek Perak, selain bahasa Melayu. Ejaan yang dicipta khusus untuk LSI untuk perkataan bahasa Melayu mempunyai ciri penambahan huruf konsonan r pada akhir perkataan contohnya yer (ya), ker (ke), ciri singkatan contohnya, blum (belum) gabungan huruf vokal i dan e pada akhir perkataan contohnya, nie (ini), gie (pergi), pengguguran huruf-huruf tertentu dalam perkataan atau singkatan perkataan yang dicipta sendiri contohnya, akum (assalamualaikum), pemelatan sebutan sesuatu perkataan contohnya, cayang (sayang), kata-kata berirama contohnya, salamz (salam) dan ejaan yang dicipta khusus untuk menunjukkan perbuatan contohnya, mencik (benci). Ejaan yang dicipta khusus untuk LSI yang melibatkan bahasa Inggeris pula ialah yup (yes), manakala ejaan yang dicipta khusus untuk LSI yang melibatkan dialek dikenal pasti hanya satu data sahaja melibatkan dialek Perak, iaitu pekabo (apa khabar).

### **PERKATAAN YANG MENYERUPAI SEBUTAN LISAN**

Ciri bahasa perkataan yang menyerupai sebutan lisan merujuk perkataan yang digunakan di LSI yang menyerupai ejaan sebutan lisan (Faridah Nazir, 2010). Terdapat 15 ciri perkataan yang menyerupai sebutan lisan yang dikenal pasti di LSI, (i) penggantian huruf vokal a kepada e pada akhir

perkataan contohnya, kene (kena), (ii) penambahan huruf konsonan k pada akhir perkataan contohnya, carik (cari), (iii) penggantian huruf l kepada k contohnya, kecik (kecil), (iv) penambahan imbuhan ke untuk kekawan, iaitu kawan-kawan, (v) perkataan yang menyerupai sebutan lisan dalam Bahasa Inggeris, iaitu opis (office), (vi) pengguguran huruf vokal dan huruf konsonan pada awal perkataan, iaitu vokal a contohnya, da (ada), e contohnya, ntah (entah), i contohnya, tu (itu) dan huruf konsonan h contohnya, ello (hello) dan r contohnya, umah (rumah), (vii) pengguguran huruf vokal pada tengah perkataan, iaitu vokal u contohnya, plak (pulang-pula),vokal i contohnya, sapa (siapa), (viii) pengguguran gabungan huruf konsonan dan huruf vokal pada awal perkataan contohnya, leh (boleh), (ix) pengguguran gabungan huruf vokal dan huruf konsonan pada tengah perkataan contohnya, kuar (keluar),

Selain itu, terdapat juga perkataan yang menyerupai sebutan lisan, iaitu (x) pengguguran gabungan huruf vokal, huruf konsonan dan huruf vokal pada awal perkataan contohnya, mende (apa benda), (xi) pengguguran huruf konsonan r pada akhir perkataan contohnya, besa (besar),(xii) penggantian perkataan buat kepada wat, (xiii) gabungan satu perkataan dengan suku kata akhir perkataan lain dan gabungan suku kata akhir satu perkataan dengan suku kata akhir perkataan lain. iaitu korang (engkau orang) dan suku kata akhir, iaitu diftong au dalam perkataan kau telah diubah kepada ko, (xiv) perkataan Bahasa Inggeris yang dieja mengikut sebutan lisan contohnya, opis (office) dan (xv) penggunaan angka 2 untuk perkataan yang menyerupai sebutan lisan dalam bahasa Inggeris yang digandakan, iaitu konpius2 (confuse-confuse).

### **PENUKARAN KOD**

Pengkaji-pengkaji tempatan seperti Asmah Haji Omar 1982; Maimon Zaid 1985; Mohamad Ghazali 1998; Ong Kin Suan 1990; Sumathi Krishnan Kutty 2005; Wong Khek Seng 1978 dan Zailah Zaid 1994 mendefinisikan penukaran kod sebagai pengalihan bahasa yang dilakukan oleh seseorang penutur daripada satu bahasa yang sedang dituturkan kepada bahasa lain secara berurutan. Penukaran kod dilakukan di LSI melibatkan bahasa Inggeris, bahasa Kantonis, bahasa Hawaii, bahasa Tamil, bahasa Jawa dan bahasa Arab. Penukaran kod dikenal pasti berlaku pada peringkat perkataan, frasa dan ayat. Penukaran kod melibatkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris berlaku pada peringkat perkataan, frasa dan ayat, manakala penukaran kod antara bahasa Melayu dan bahasa Tamil, antara bahasa Melayu, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris, antara bahasa Melayu dan bahasa Jawa, antara bahasa Melayu, bahasa Jawa dan bahasa Arab, antara bahasa Melayu dan bahasa Kantonis, antara bahasa Melayu, bahasa Kantonis dan bahasa Inggeris serta antara bahasa Melayu dan bahasa Hawaii berlaku pada peringkat perkataan sahaja.

### **PARALINGUISTIK**

Ramli Md. Salleh et al. (1997) mendefinisikan paralinguistik sebagai ciri bukan linguistik yang tidak

bersistem yang mengiringi pertuturan meliputi bisikan, mimik muka, gerak badan, suara tinggi, suara mersik dan suara garau. Ciri paralinguistik di LSI dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu ciri para bahasa teks konvensional dan ciri para bahasa lain seperti emotikon, asikon, boobiekon, simbol dan gerak isyarat mimik muka.

Ciri para bahasa teks konvensional yang dikenal pasti di LSI terdiri 10 ciri, iaitu pengulangan huruf vokal, huruf konsonan, gabungan huruf konsonan, gabungan huruf konsonan dan vokal, perkataan dan tanda baca yang dieja berulang-ulang, penggunaan huruf besar, unsur parataksis atau hentian sebentar yang ditandai oleh urutan titik serta pengulangan untuk membetulkan ejaan atau menjelaskan sesuatu ejaan atau perkara. Pengulangan huruf vokal di LSI dilakukan mengikut bilangan yang berlainan. Kesemua huruf vokal yang dikenal pasti diulang-ulang ialah a, e, i, o dan u. Huruf konsonan yang diulang pula turut menunjukkan bilangan pengulangan yang berbeza-beza. Perkataan yang dieja berulang-ulang dalam perbualan di LSI dikenal pasti melibatkan perkataan satu suku kata dan dua suku kata. Tanda baca yang dieja berulang-ulang di LSI pula ialah tanda soal, tanda seruan dan noktah di hujung sesuatu ayat. Penggunaan huruf besar melibatkan perkataan tertentu yang ingin diberi penekanan oleh penyumbang. Huruf besar ada yang melibatkan satu perkataan sahaja contohnya, KE dan huruf pertama dalam perkataan pertama contohnya, Napa. Huruf besar turut digunakan untuk huruf tertentu dalam perkataan yang diulang-ulang contohnya, arrggGGgghhhhhhh. Huruf besar turut digunakan untuk semua perkataan dalam ayat contohnya, KEJA APA, kata nama khas contohnya, RIKASOMANTO, homofon huruf, iaitu OK dan singkatan YM (Yahoo Mail).

Ciri para bahasa teks konvensional seterusnya yang dikenal pasti di LSI ialah unsur parataksis, iaitu hentian sebentar dalam ayat yang ditandai oleh urutan titik yang digunakan oleh penyumbang untuk menggantikan tanda baca seperti koma dan noktah dan tanda soal. Selain itu, unsur parataksis atau hentian sebentar juga digunakan oleh penyumbang selepas ekspresi tertentu seperti ketawa, geram, bersetuju, menafikan sesuatu, tidak bersetuju, sebagai penjelasan terhadap sesuatu persoalan, permintaan, mengingatkan penyumbang lain tentang seseorang, keliru, menyindir seseorang, memikirkan sesuatu, menasihati, memahami sesuatu dan menyapa seseorang. Ciri para bahasa teks konvensional lain di LSI ialah pengulangan untuk membetulkan ejaan yang salah dan menjelaskan sesuatu perkara atau ejaan yang tidak difahami contohnya, pengulangan perkataan sikalan kepada sokalan yang sebenarnya bermaksud soalan.

Ciri para bahasa lain yang dikenal pasti di LSI pula ialah emotikon atau emotion icon, iaitu ikon atau huruf yang boleh dilihat dengan cara menyendengkan kepala ke kanan. Ciri para bahasa lain adalah penggunaan gerak isyarat mimik muka, iaitu simbol berupa gambaran wajah untuk menggambarkan emosi seseorang misalnya, untuk gembira, untuk muka masam atau sedih dan untuk mengejek, penggunaan simbol ^ untuk dan (and), simbol ~ dalam ~ ~ ~ ~ is awy ~ ~ ~ ~ yang bermaksud sudah

pergi, simbol + yang bermaksud keliru, simbol asterisk (\*) untuk membetulkan ejaan dan perbuatan mengebom (\*bom) dan menembak penyumbang lain, iaitu (\*troop) serta simbol @ untuk menunjukkan perbuatan mengebom ditujukan kepada seseorang (\*bom@firefly). Simbol asterisk (\*) oleh penyumbang untuk membetulkan ejaan perkataan terdapat sama ada sebelum perkataan yang dibetulkan ejaannya (\*duluan) atau di belakang (kan\*). Simbol asterisk (\*) yang diulang dua kali dalam frasa \*\*aku dapati menunjukkan terdapat dua kesalahan dalam perkataan sebelumnya, iaitu da[at]o (dapati).

## ARAHAN ATAU PERINGATAN DALAM BAHASA KOMPUTER

Arahan atau peringatan dalam bahasa komputer merujuk arahan yang terdapat secara automatik di LSI sama ada dalam bentuk perkataan atau rangkai kata (Faridah Nazir, 2010). Sehubungan dengan itu, arahan atau peringatan yang disediakan secara automatik di LSI dan dilakukan dengan bantuan kesan bunyi ialah \*bom @ firefly, iaitu perbuatan mengebom penyumbang bernama firefly, campak dua biji \* bom, campak \* bom @ fidas, campak \* bom ... oit tido ker semua org dan \* troop, iaitu bunyi tembakan.

## DIALEK

Dialek merujuk loghat yang digunakan sama ada di daerah atau negeri yang berlainan (Faridah Nazir, 2010). Penggunaan dialek di LSI menunjukkan dialek Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Terengganu, Perak dan Sabah. Contoh penggunaan dialek Negeri Sembilan ialah, \*[adeiz] suka ati den la nak cakup, dialek Pulau Pinang, \*[vintage 45] tak taula kalau dia dah tukaq, dialek Terengganu, \*[maills] heee lalat api ...tak tanya pong, dialek Perak, \*[vintage 45] koja byk beb dan dialek Sabah, \*[mat] aku kat Sabah !!! bah. Selain itu, terdapat juga pengaruh dialek kawasan desa Amerika Syarikat di LSI, iaitu wanna (want to), gotta (got to), gonna (going to), gotcha (i've got you/ i understand) dan sorta (sort of).

## KESILAPAN EJAAN

Kesilapan ejaan yang dilakukan di LSI, terdiri daripada tiga jenis, iaitu kesilapan ejaan yang tidak disedari kerana tidak diketahui sama ada silap atau tidak, kesilapan ejaan yang diketahui, dilakukan tanpa disedari tetapi tidak dibetulkan dan kesilapan ejaan yang diketahui, dilakukan tanpa disedari tetapi dibetulkan selepas itu (Faridah Nazir, 2010).

Ciri kesilapan ejaan yang tidak disedari kerana tidak diketahui sama ada silap atau tidak oleh penyumbang contohnya ialah beri lah, lalatapi, dimana, broas, shatters, di gunakan. Ciri kesilapan ejaan yang diketahui, dilakukan tanpa disedari tetapi tidak dibetulkan contohnya ialah barau (baru). Ciri kesilapan ejaan yang diketahui, dilakukan tanpa disedari tetapi dibetulkan selepas itu dengan penggunaan simbol asterisk (\*) atau diulang dengan perkataan yang betul ejaannya. Contoh-contoh perkataan yang dibetulkan dengan simbol asterisk (\*) ialah k (kan\*), keuar (\*keluar), aku da[at]o (\*\*aku dapati). Kesilapan ejaan yang tidak disedari tetapi dibetulkan dengan cara mengulang perkataan

dengan ejaan yang betul ialah ont (cont atau contact), soban (somban atau seremban). Perkataan \*\*aku dapati dibetulkan dengan dua simbol kerana terdapat dua kesalahan dalam perkataan yang ditaip, iaitu da[ato. Ejaan tamei yang sepatutnya perkataan ramai dibetulkan kepada ramei yang masih tidak tepat manakala perkataan sikalan dibetulkan kepada sokalan setelah penyumbang ditegur oleh penyumbang lain.

### LARAS BAHASA

Ciri laras bahasa merujuk bahasa yang digunakan berdasarkan bidang tertentu. Laras bahasa yang dikenal pasti digunakan di LSI ialah laras bahasa teknologi maklumat dan telekomunikasi, iaitu laras bahasa komputer contohnya, download, iaitu muat turun dan laras bahasa sistem pesanan ringkas (short message system atau sms) contohnya, tak masuk box, iaitu mesej tidak dapat dihantar (Faridah Nazir, 2010).

### AYAT YANG TIDAK LENGKAP DAN TIDAK GRAMATIS

Ciri ayat yang tidak lengkap dan tidak gramatis di LSI merujuk ayat-ayat yang tidak mempunyai subjek, ayat yang dimulakan dengan kata hubung, salah satu perkataan digugurkan dalam ayat, ayat yang tidak difahami maksudnya, pengabaian tanda baca koma, noktah, seruan dan tanda soal dalam ayat serta penggunaan perkataan yang tidak tepat dalam ayat (Faridah Nazir, 2010).

### SLANGA

Slanga didefinisikan sebagai kata-kata, frasa, erti kata-kata dan sebagainya yang digunakan dalam perbualan tetapi tidak sesuai untuk kegunaan tulisan (Hornby 1974). Slanga yang terdapat di LSI dikenal pasti terdiri daripada dua jenis, iaitu slanga khusus untuk LSI dan slanga yang biasa dituturkan oleh remaja dalam perbualan seharian. Slanga khusus untuk LSI yang dikenal pasti ialah flood (perbuatan menghantar fail atau teks yang besar untuk mengganggu sistem penerima), tenggelam (mendiamkan diri), nyelam (mendiamkan diri), debish (debik atau pukul), ihor (ya kah), hadeii (alamak), priv atau private, iaitu bersembang seorang dengan seorang, block (tidak dibenarkan masuk ke laman sembang) dan main pintu (keluar masuk). Slanga yang biasa dituturkan oleh remaja pula contohnya ialah *borak* (berbual), dan *awek* (teman wanita) dan sebagainya.

## II. OBJEKTIF

Model SHEPPADKLAS disediakan oleh pengkaji dengan tujuan berikut:

- sebagai panduan kepada para pensyarah dan guru untuk mengenal pasti ciri-ciri kesilapan bahasa yang wujud akibat pengaruh LSI.
- sebagai rujukan kepada pensyarah dan guru-guru yang ingin menjalankan kajian kesilapan bahasa yang wujud akibat pengaruh LSI.
- sebagai panduan kepada pensyarah dan guru-guru

untuk mengenal pasti pengaruh kesilapan bahasa yang wujud akibat LSI dalam penulisan pelajar dan murid-murid.

## III. KAJIAN RINTIS

Kajian rintis untuk menguji keberkesanan model SHEPPADKLAS telah dijalankan dalam tempoh dua bulan pada Mac hingga April 2018. Kajian ini telah melibatkan seramai 20 orang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) unit Pendidikan Seni Visual/ Bahasa Melayu semester 5 di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Raja Melewar, Seremban.

## IV. METODOLOGI

Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian terhadap nota kuliah kesemua 20 orang pelajar PISMP yang terlibat dengan kajian rintis. Kesemua data tersebut seterusnya dianalisis dengan kaedah analisis kandungan untuk mengkaji sama ada kesemua ciri kesilapan bahasa dalam model SHEPPADKLAS terdapat dalam nota kuliah pelajar terbabit.

## V. IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN

Kajian rintis yang dijalankan menunjukkan bahawa kesemua 12 ciri kesilapan bahasa dalam model SHEPPADKLAS telah digunakan oleh semua 20 orang pelajar PISMP terbabit. Walau bagaimanapun, semua pelajar terbabit tidak melakukan kesemua 12 ciri kesilapan bahasa tersebut secara serentak. Akan tetapi, mereka didapati melakukan hanya sebahagian daripada kesemua 12 ciri kesilapan tersebut secara individu. Gabungan kesilapan ciri bahasa yang dilakukan tersebut didapati menepati kesemua 12 ciri kesilapan bahasa seperti yang terdapat dalam model SHEPPADKLAS. Jadual 1 di bawah menunjukkan kekerapan penggunaan ciri bahasa SHEPPADKLAS dalam nota kuliah kesemua 20 orang pelajar PISMP terbabit.

CIRI BAHASA SHEPPADKLAS	KEKERAPAN PENGGUNAAN*
Singkatan (S)	Sangat Kerap
Homofon Huruf (H)	Sederhana
Ejaan yang Dicipta Khusus untuk LSI (E)	Kadang Kala
Perkataan yang Menyerupai Sebutan Lisan (P)	Kerap
Penukaran Kod (P)	Sederhana
Paralinguistik (P)	Sederhana
Arahan atau Peringatan dalam Bahasa Komputer (A)	Kadang Kala
Dialek (D)	Kadang Kala
Kesilapan Ejaan (K)	Sederhana
Laras Bahasa (L)	Kadang Kala
Ayat yang Tidak Lengkap dan Tidak Gramatis (A)	Kerap
Slanga (S)	Kadang Kala

Jadual 1: Kekerapan Penggunaan Ciri Bahasa SHEPPADKLAS

- \* Sangat Kerap –80%-100% digunakan dalam penulisan  
Kerap –50%-80% digunakan dalam penulisan  
Sederhana –20%-50% digunakan dalam penulisan

Kadang Kala –1%-20% digunakan dalam penulisan  
Tidak Digunakan –0%

Penggunaan kesemua ciri bahasa dalam model SHEPPADKLAS dalam nota kuliah semua 20 orang pelajar PISMP yang dikaji menunjukkan bahawa, para pelajar di IPG amat terpengaruh dengan ciri bahasa LSI. Sehubungan dengan itu, pengaruh ciri bahasa LSI tersebut telah menyebabkan pelajar terbabit melakukan kesilapan bahasa dalam nota kuliah mereka. Situasi sebegini lama kelamaan akan menyebabkan mereka melakukan kesilapan bahasa yang sama apabila menjawab soalan peperiksaan dan menyediakan tugasan.

Dapatan kajian rintis ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa, para pelajar di IPG amat terpengaruh dengan ciri bahasa LSI memandangkan penglibatan mereka dengan LSI khususnya facebook. Secara tidak langsung, perkara ini turut membabitkan murid-murid sekolah yang turut aktif melibatkan diri dengan LSI seperti facebook yang menjadi trend pada masa kini. Oleh yang demikian, kajian menyeluruh tentang kesilapan bahasa yang berpunca daripada LSI amat wajar dilakukan dalam kalangan murid-murid di sekolah khususnya mereka yang aktif menggunakan pelbagai medium LSI. Sehubungan dengan itu, untuk menjalankan kajian sebegini, pengkaji berkenaan memerlukan satu model ciri bahasa LSI yang lengkap seperti model SHEPPADKLAS.

## VI. RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 1982. *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Azimah Szalie dan Marshita Aini Haroon. 2001. *Kesan Komunikasi Perantaraan Komputer Terhadap Wacana Bahasa Melayu dalam Dewan Bahasa, Mei*. Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faridah Nazir. 2010. *Penggunaan Bahasa Melayu Laman Sembang Internet Sebagai Komunikasi Perantaraan Komputer*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Harimurthi Kridalaksana. 1982. *Kamus Linguistik*. Jakarta : PT Gramedia.
- Hornby, A.S. 1974. *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*. New York : Oxford University Press.
- Maimon Zaid.1985. *Penukaran Kod di Kalangan Pegawai-pegawai Kerajaan-Satu Kajian Sociolinguistik*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Marzukhi Nyak Abdullah.1997. *Kamus Tatabahasa Bahasa Melayu*. Shah Alam:Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Mohamad Ghazali Ibrahim.1998. *Analisis Penukaran Kod dan Pembauran Kod di Kalangan Siswa-Siswi Singapura di Universiti Malaya: Satu Kajian Kes*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya.
- Muhammad Isa Aljambuli. 2000. *Pencemaran Bahasa dalam Internet*. Berita Harian, 18 Julai 2000.
- Nik Safiah Karim. 2000. *Pakar Bimbang Tatabahasa Laman Internet*. Berita Harian, 6 Mac 2000
- Noriah Mohamed. 2002. *Komuniti dan Dialek Sosial Ruang Siber–Sembang Ala Malaysia*. Dewan Bahasa, Februari 2002.
- Nuwairi Haji Khaza'ai.1999. *Bahasa dalam Teknologi Maklumat : Penelitian Terhadap Bentuk yang Digunakan dalam Laman – Laman Chat*. Kertas Kerja Seminar Bahasa Di Alam Siber, Kuala Lumpur.
- Ong Kin Suan.1990. *A Study of Code Switching Among Bilingual Malay*. Tesis Sarjana Sastera (M.A.), Universiti Malaya.
- Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu.1992. *Sempena Ulangtahun Ke-20 MABBIM*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Md Salleh, Sanat Md.Nasir dan Noor Ein Haji Mohd.Noor.1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sumathi Krishnan Kutty. 2005. *Code Switching in Chat Language Among Secondary School Students*. Unpublished Masters Thesis. Faculty of Languages and Linguistics. Universiti Malaya.
- Teo Kok Seong. 1997. *Variasi Bahasa*. Pelita Bahasa, Julai. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teo Kok Seong. 2004. *Ragam Bahasa Dalam Komunikasi Elektronik*. Pelita Bahasa, Januari.
- Wong Khek Seng. 1978. *Perselisihan Bahasa di Kampung Kerinchi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zailah Zaid. 1994. *Code Switching Among a Selected Group of Bilingual Malay Office Workers. Towards an Understanding of Sex Related Language Alternation*. Latihan Ilmiah 1994/95: Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi.